

WARNA-WARNI KEHIDUPAN

Anak tukang jahit cemerlang

**Terima Anugerah
Yayasan Pahang
pada Majlis
Konvokesyen
UMP**

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

"Kekuatan, kecekalan dan ketabahan ibu menjadi pendorong serta inspirasi saya untuk berjaya," kata anak tukang jahit, Nur Farziana Hussien, 23, yang terpilih menerima Anugerah Yayasan Pahang pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) kelmarin.

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan

itu berkata, kesungguhan ibunya mencari rezeki dengan menjahit pakaian untuk membesarkannya tujuh beradik menjadi pencetus semangat untuk dirinya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Menurutnya, ibunya menggalas tugas sebagai ketua keluarga selepas kematian bapanya akibat angin ahmar lebih empat tahun lalu.

"Saya bukan datang daripada keluarga senang, jadi saya faham kesusahan ibu. Sebab itu saya belajar bersungguh-sungguh.

"Namun saya tidak sangka pihak UMP memilih saya sebagai penerima anugerah tersebut dan ini pasti membanggakan seluruh keluarga termasuk ibu saya," katanya ketika ditemui di Majlis Konvokesyen UMP di sini kelmarin.



Nur Farziana (kiri) dan Nor Syahirah (dua dari kiri) bersama dua lagi graduan yang menerima anugerah sama pada Majlis Konvokesyen UMP di Kuantan kelmarin.

Nur Farziana berkata, pada penghujung semester akhir pengajian, dia menghadapi tekanan selepas mendapat tahu ibunya menghidap penyakit kan-

ser tahap empat namun pengajian perlu dihabiskan segera.

"Siapa tidak terkejut bila dapat tahu ibu sakit. Fokus saya pada ketika itu

terjaya tetapi ibu banyak bagi semangat. Alhamdulillah semangat ibu membuat saya cemerlang di sini," katanya.

Seorang lagi penerima

anugerah sama, graduan Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) UMP, Nor Syahirah Mahmudin, 23, pula berkata, kejayaan yang diraih itu berkat daripada amalan solat duha dan tahajud pada setiap hari.

Menurutnya, amalan solat duha dan tahajud itu dilakukan setiap hari agar memudahkan setiap urusan terutama dalam pembelajaran.

"Setiap urusan kita tak dapat harapkan usaha kita saja sebaliknya perlu yakin dan berharap kepada pertolongan ALLAH SWT.

"Syukur Alhamdulillah kerana terpilih menerima anugerah ini. Mungkin dengan berkat sokongan dan doa daripada keluarga terutama kedua-dua ibu menjadi kunci utama kejayaan yang diterima," katanya.